

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 1
MENGENAI AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan. LKAN ini melaporkan dua tajuk pengauditan, iaitu satu tajuk di bawah pengauditan prestasi mengenai aktiviti jabatan serta satu tajuk berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan negeri.

1.1. Pengauditan Aktiviti Jabatan

- **Program Bantuan Rumah Dhuafa'**
[Peruntukan Disalurkan: RM 9.98 juta]

- a. Satu pengauditan iaitu Program Bantuan Rumah Dhuafa' (PBRD) yang dilaksanakan melibatkan empat jabatan iaitu Pejabat Pembangunan Negeri, Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai, Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah dan Pejabat Tanah dan Jajahan Machang. Objektif program adalah untuk membantu meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin tegar dan miskin dengan membina rumah baharu, baik pulih rumah dan sumbangan bahan binaan bagi menyediakan kediaman yang lebih selamat dan selesa. Nilai peruntukan bagi program ini bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021 di tiga Pejabat Tanah dan Jajahan (PTJ) berjumlah RM9.98 juta melibatkan peruntukan tahunan mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (Peruntukan DUN) dan Peruntukan Tambahan 2020.
- b. Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan program seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- Pencapaian output PBRD adalah memuaskan kerana kesemua permohonan yang diterima oleh PTJ diluluskan, kesemua kerja baik pulih rumah dan sumbangan bahan binaan dilaksanakan. Bagi bantuan bina baharu, 96.7% rumah dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

ii. Pencapaian Keberhasilan

Dari segi pencapaian keberhasilan, walaupun PBRD dapat memberi manfaat kepada penerima, namun objektif PBRD belum dapat dicapai sepenuhnya. Butirannya seperti berikut:

- bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021, PBRD dapat memberi manfaat kepada 4.3% keluarga miskin tegar dan miskin bagi 11 kawasan DUN di bawah pusat tanggungjawab PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang;
- bagi tempoh yang sama sebanyak 97.7% rumah baharu dapat diduduki, dan 92.1% rumah dibaik pulih dan diduduki. Bagaimanapun bagi sumbangan bahan binaan, hanya 73.5% diterima dan dimanfaatkan oleh penerima bantuan; dan
- dari segi tahap kepuasan penerima bantuan seramai 85.7% penerima berpuas hati dengan bantuan yang diberikan.

iii. Pengurusan Program

Penemuan Audit bagi aspek pengurusan program adalah seperti berikut:

- sejumlah RM9.76 juta (97.8%) daripada RM9.98 juta peruntukan PBRD tahun 2018 hingga 2021 bagi tiga PTJ dibelanjakan;
- tiga penerima di PTJ Kuala Krai hanya menerima sebahagian bahan binaan yang sepatutnya diterima dengan jumlah bahan binaan yang tidak diterima bernilai RM21,833;
- kerja baik pulih rumah yang tidak dilaksanakan bernilai RM20,939 telah dibuat pembayaran melibatkan sejumlah RM14,169 di PTJ Tanah Merah dan RM6,770 di PTJ Kuala Krai;
- empat bantuan sumbangan bahan binaan bernilai antara RM368 hingga RM1,940 bagi setiap bantuan berjumlah RM4,361 diluluskan/digunakan tidak mengikut skop PBRD. Ia melibatkan tiga penerima di PTJ Kuala Krai; dan

- rumah baharu yang dibina tidak dipasang dengan *awning* di bahagian belakang rumah, tidak dibekalkan dengan bilangan kipas yang mencukupi, pintu panel kayu keras sebagaimana ditetapkan dan kualiti pembinaan yang kurang memuaskan.

1.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan

a. Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd. (KBCSB) [Modal Berbayar: RM 4.60 juta]

- i. KBCSB merupakan syarikat milikan penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dengan modal berbayar semasa berjumlah RM4.60 juta. Aktiviti utama syarikat adalah melaksanakan projek/program Kerajaan negeri yang berkaitan dengan bioteknologi/pertanian serta melaksanakan pembangunan harta tanah.
- ii. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat masih belum dicapai sepenuhnya; tadbir urus korporat adalah memuaskan; manakala kedudukan kewangan adalah stabil.
- iii. Penemuan Audit bagi prestasi aktiviti, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:
 - bagi pencapaian output, pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) oleh KBCSB adalah antara 40% hingga 75% bagi tahun 2018 hingga 2021. Kerugian terkumpul yang dicatatkan oleh KBCSB pada akhir tahun 2021 berjumlah RM2.93 juta.
 - bagi pencapaian keberhasilan, dua daripada tiga produk berasaskan bioteknologi telah ditamatkan pengeluaran iaitu produk kecantikan berasaskan minyak kelapa dara dan pengeluaran tisu benih pisang. Selain itu, projek pembangunan harta tanah secara usaha sama berpotensi mendatangkan pendapatan berjumlah RM1.40 juta kepada KBCSB sehingga akhir tahun 2021.
 - dua daripada tiga projek geran Kerajaan masih belum mencapai objektif projek iaitu Projek Pelestarian Lembu Naim bif dan Makmal Biotech Animal Reproduction Centre (Bio ART Centre).

- sejumlah RM397,592 tunggakan hasil sewa belum diterima oleh KBCSB daripada syarikat usaha sama dan sejumlah RM301,400 tunggakan sewa pajakan belum dijelaskan oleh KBCSB kepada Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN).
 - sebanyak enam daripada lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya oleh KBCSB iaitu tidak menyediakan Piagam Lembaga Pengarah; Setiausaha Syarikat tidak menasihati Lembaga Pengarah mengenai penyediaan Piagam Lembaga Pengarah; tidak menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pelaksanaan projek geran Kerajaan; tidak memantau pelaksanaan dan pencapaian Pelan Strategik; serta tidak menujuhkan Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam.
2. Keseluruhan syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah tujuh syor, iaitu empat kepada PBRD dan tiga kepada KBCSB bagi tujuan penambahbaikan pengurusan jabatan/syarikat.